

06/10/2000

Ustaz hasut pelajar bencikan PM

MELAKA, Khamis - Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Agama (SMA) Sultan Muhammad di Batu Berendam di sini, kesal tindakan seorang guru agama di situ yang menghasut pelajar supaya membenci Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Guru itu yang berusia dalam lingkungan 50-an dikatakan melakukan perbuatan itu di kelas Tingkatan 1A pada 19 September lalu, antara jam 12.20 tengah hari dan 2 petang.

Ahli Jawatankuasa PIBG sekolah itu, Othman Muhammad, berkata guru itu yang juga dipanggil `ustaz' di kalangan pelajar dan guru lain, masuk ke kelas berkenaan bagi menggantikan guru Bahasa Inggeris dan Sejarah yang tidak dapat hadir.

Beliau berkata, ustaz itu dikatakan menggunakan peluang itu untuk memberikan ceramah politik pembangkang dengan mengatakan `Dr Mahathir sudah tua, sakit dan tidak layak jadi Perdana Menteri'.

"Selain itu, beliau juga mendakwa penarikan royalti minyak kepada kerajaan Pas di Terengganu adalah satu bukti bahawa kerajaan zalim.

"Ustaz ini juga mendakwa berlaku pilih kasih dalam pembahagian rumah awam serta beberapa isu lain yang berbentuk fitnah dan hasutan supaya pelajar membenci kerajaan," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Menurut Osman, walaupun ustaz itu dikatakan sering melakukan perbuatan yang sama sebelum ini, pihak sekolah kekurangan bukti kukuh untuk merujuk kes itu kepada Jabatan Pendidikan negeri.

"Kali ini, lima pelajar kelas terbabit termasuk anak saya, menjadi saksi terhadap apa yang dilakukan oleh guru itu dan polis sudah pun merakamkan kenyataan mereka," katanya.

Beliau berkata, Jabatan Pendidikan negeri sudah memanggil ustaz terbabit tetapi beliau tidak mengaku melakukan perbuatan itu dan mendakwa pelajar tersalah anggap terhadap apa yang dikatakan.

Osman berkata, ustaz itu juga pernah bertindak sebagai pengiring kepada calon pembangkang dalam kawasan Parlimen Alor Gajah semasa hari penamaan calon pada pilihan raya umum lalu.

Katanya, oleh kerana SMA Sultan Muhammad adalah Sekolah Cemerlang, PIBG bimbang sekolah itu akan melahirkan pelajar cemerlang tetapi pada masa yang sama sanggup bersikap biadab terhadap pemimpin, guru, golongan yang lebih tua dan ibu bapa, hasil hasutan ustaz yang tidak bertanggungjawab itu.

"PIBG berharap Kementerian Pendidikan dapat mengambil tindakan tegas terhadap ustaz ini kerana khuatir pelajar di sini akan menjadi murid yang kurang ajar dan tidak bersopan," katanya.

Sementara itu, Ketua Menteri, Datuk Wira Ali Rustam ketika diminta mengulas perkara itu berkata, tindakan ustaz itu tidka bertanggungjawab.

"Sesungguhnya, inilah budaya yang diterapkan pemimpin Pas di kalangan ahlinya supaya bersikap biadab dan terus membenci kerajaan atau golongan yang lebih tua," katanya di sini, hari ini.

Menurut Mohd Ali, ajaran Islam sendiri tidak membenarkan umatnya memaki hamun atau mencerca golongan yang lebih tua daripada mereka.

(END)